



15 JAN, 2026

Operasi roboh 68 rumah di Chubadak Tambahan lancar

Berita Harian, Malaysia



Operasi roboh 68 rumah di Chubadak Tambahan lancar

206 anggota polis kawal keadaan selepas penduduk terima notis 26 Disember

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Operasi perobohan 68 kediaman dan binaan di Kampung Chubadak Tambahan, Sentul berjalan seperti dijadualkan, semalam selepas tempoh 14 hari notis pengosongan yang diserahkan kepada penduduk tamat, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sentul,

Asisten Komisioner Ahmad Sukarno Mohd Zahari, berkata polis membantu pihak mahkamah bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam sepanjang pelaksanaan perobohan dijalankan.

Katanya, 206 pegawai dan anggota dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul ditugaskan dan dibahagikan kepada enam zon penugasan mengikut kelompok rumah yang ditetapkan untuk tindakan semalam.

"Penugasan ini dilaksanakan bagi membantu pihak mahkamah dalam pelaksanaan perobohan premis di lokasi ini.

"Setakat ini keadaan terkawal dan tiada sebarang bantahan atau provokasi direkodkan," katanya pada sidang media di lokasi, semalam.

Ahmad Sukarno berkata, writ

mahkamah diserahkan kepada penghuni pada 5 Disember 2025 sebelum notis pengosongan disampaikan pada 26 Disember lalu.

18 penghuni lantik peguam

Notis pengosongan dan operasi perobohan yang dilaksanakan, semalam membabitkan 68 kediaman membabitkan enam zon dengan lapan kediaman sudah sedia ditinggalkan.

"Bagaimanapun, terdapat 18 penghuni di zon empat yang melantik peguam untuk tindakan lanjut dan perkara itu tertakluk kepada keputusan mahkamah.

"Sebarang keputusan lanjut berkaitan perkara itu akan ditentukan mahkamah. Setakat ini 42 kediaman terabit perobohan hari ini (semalam)," katanya.

Beberapa agensi lain membantu operasi termasuk Tenaga



Operasi perobohan 68 kediaman dan binaan di Kampung Chubadak Tambahan, Sentul berjalan seperti dijadualkan, semalam.

(Foto Hari Anggara/BH)

Nasional Berhad (TNB), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), selain 120 petugas syarikat pemaju, 11 jengka dengan anggaran kekuatan anggota 400 orang.

Jabatan Imigresen sudah menjalankan pemeriksaan dan tindakan awal dua hari sebelum operasi dilaksanakan terhadap penghuni yang disyaki tidak mempunyai dokumen sah.

"Imigresen sudah membuat pemeriksaan dan tindakan awal dua hari sebelum ini kerana terdapat penghuni warga asing yang menyewa kediaman di kam-

pung berkenaan.

Kelmarin, Ahmad Sukarno menegaskan binaan haram, premis tanpa kebenaran serta pence- robohan kawasan melanggar undang-undang di Kampung Chubadak Tambahan bakal berdepan tindakan tegas menerusi pelaksanaan perintah penghakiman penyerahan milikan kosong.

Pelaksanaan perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur itu adalah langkah penguatkuasaan undang-undang untuk mengekang aktiviti pembinaan dan pendudukan tidak sah yang dikenali pasti berlaku di kawasan berkenaan.